

15/11/2003

Japanese Village tonjol budaya Jepun sejati

Izza Safinaz Ibrahim

MENYELAMI budaya Jepun bukan sekadar menikmati keenakan sushi atau tempura di restoran semata-mata. Kini ada sebuah tempat di Malaysia yang menawarkan pengalaman hebat seolah-olah kita benar-benar bertandang ke Negara Matahari Terbit itu.

Japanese Village di Bukit Tinggi, Pahang adalah jelmaan Jepun yang realistik kerana ia menonjolkan pelbagai budaya Jepun yang unik.

Pusat pelancongan yang tersergam di puncak pergunungan ini menempatkan beberapa bangunan seni bina Jepun, menggunakan bahan mentah yang diimport khas dari negara itu.

Daripada pintu gerbang purba hingga laluan batu, semuanya nampak begitu indah tersusun.

Di Japanese Tea House yang direka arkitek terkemuka Jepun, Kaio Ariizumi, pengunjung berpeluang menyewa kimono, menyarung selipar Jepun dan menikmati upacara minum teh dalam masa lebih kurang 45 minit - tempoh yang memerlukan sedikit kesabaran.

Selesai upacara di Tea House, pengunjung dijemput bermesra dengan sekumpulan ikan koi yang menjadi kebanggaan petugas di situ. Ikan pelbagai rona itu sihat, cantik dan jinak.

Malah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang pernah menginap di Ume Tatami Suite juga suka melawat kolam ikan itu.

Ume Tatami adalah banglo eksklusif empat bilik yang terletak di pekarangan Japanese Village. Ia menerapkan seni bina moden dan tradisional Jepun dengan harga penginapan dari RM2,500 semalam.

Paling menarik adalah Tatami Spa yang pertama seumpamanya di luar Jepun. Ia menawarkan khidmat penjagaan badan dan istirahat cara Jepun dengan empat bilik rawatan iaitu Aki (musim luruh), Fuyu (musim dingin), Haru (musim bunga) dan Natsu (musim panas). Harga rawatan adalah dari RM400 dan ke atas.

Menambah keunikan Japanese Village ialah persekitaran hutan serba hijau.

Dengan kedinginan dan panorama yang menyejukkan mata, pengunjung boleh bersantai di restoran Ryo Zan Tei yang berdepan dengan Botanical Garden.

Sebagai tanda kenangan melancong ke `Jepun', kedai cenderahati menarik